

26/11/1997

Abac mahu WTO selia niaga mata wang

Hafifi Hafidz; Khaidir Abdul Majid in Vancouver
VANCOUVER, Selasa - Majlis Perniagaan Asia Pasifik (Abac), cabang sektor swasta forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) akan mencadangkan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) supaya meletakkan urusan niaga mata wang di bawah kawal selian.

Abac akan menyediakan pelan tindakan yang siap seawalnya akhir bulan depan untuk dikemukakan kepada WTO, kata wakil Abac Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli.

Tajudin yang juga pengerusi Penerbangan Malaysia, berkata Abac berpendapat WTO harus mengawal selia urusan niaga mata wang.

"Jika sektor perbankan dan kewangan boleh dikenakan peraturan mengapa urusan niaga mata wang terlepas daripadanya?" kata beliau kepada wartawan Malaysia selepas sidang akhbar Abac di sini, semalam.

Sidang akhbar itu diadakan selepas Abac mengadakan dialog dengan 18 pemimpin negara Apec yang berada di sini untuk mengadakan mesyuarat tahunannya esok.

Setiap negara Apec mempunyai tiga wakil dalam Abac.

Selain Tajudin wakil Abac Malaysia ialah Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby Bhd, Tan Sri Nik Mohamed Yaacob dan Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd, Tan Sri Francis Yeoh.

Dalam ucapannya pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Ketua Eksekutif (CEO Summit), di sini kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan mesyuarat Apec kali ini berusaha mewujudkan segera peraturan untuk mengawal kegiatan urusan niaga mata wang.

Menurut Perdana Menteri, peraturan perlu dikenakan terhadap urusan niaga mata wang kerana kini peniagaannya tidak langsung dikawal selia sehingga membolehkan mereka membawa kesengsaraan kepada kehidupan manusia sejangat.

Pada sidang akhbar Abac itu semalam, Tajudin juga ditanya mengenai cadangan Dr Mahathir itu.

Tajudin bersetuju dengan pendapat bahawa pasaran mata wang perlu dikawal selia.

Katanya, jika dikawal selia, pasaran mata wang boleh menjadi telus dengan dikenali latar belakang pesertanya.

"Jika kita mendesak kerajaan supaya lebih telus, semuanya juga perlu telus termasuk peniaga pasaran," katanya.

Sementara itu, tokoh perniagaan Brunei yang juga ahli Abac, Timothy Ong turut menyetujui apa yang dikehendaki oleh Dr Mahathir, kelmarin.

Beliau bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa keadaan pasaran dibiar bebas tanpa kawalan adalah seburuk pasaran dikongkong oleh peraturan kerajaan.

"Apa yang perlu dicari ialah keseimbangan antara dua keadaan itu," katanya pada sidang akhbar itu.

(END)